

**GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN  
DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT-PINGAT SERTA TAUHIAH JAKSA PENDAMAI  
YANG DIANUGERAHKAN DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

---

1. **PENDAHULUAN**

- 1.1 Bersempena dengan Hari Ulangtahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak yang disambut pada setiap Hari Jumaat minggu pertama November setiap tahun, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan telah berkenan menganugerahkan Darjah-darjah Kebesaran dan Pingat-pingat Negeri Perak Darul Ridzuan. Penganugerahan ini sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri Perak kepada mereka yang telah banyak menabur jasa-jasa serta menyumbangkan khidmat bakti kepada Negeri Perak Darul Ridzuan khususnya dan negara amnya.

2. **SUSUNAN KUMPULAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT**

2.1 **DARJAH KERABAT DIRAJA YANG AMAT DIHORMATI**

Darjah Kerabat (D.K.)

2.2 **DARJAH KERABAT SERI PADUKA SULTAN NAZRIN SHAH PERAK YANG AMAT DIHORMATI**

Darjah Kerabat Sultan Nazrin (D.K.S.N)

2.3 **Darjah Kebesaran SERI PADUKA SULTAN NAZRIN SHAH PERAK YANG AMAT MULIA**

Dato' Seri Paduka Sultan Nazrin (S.P.S.N)  
(Dato' Seri Diraja/Isteri : Datin Seri Diraja)

2.4 **Darjah Yang Amat Mulia PADUKA CURA SI MANJA KINI**

Pangkat Pertama	....	Seri Paduka Cura Simanja Kini (S.P.C.M.)
Pangkat Kedua	...	Dato' Paduka Cura Simanja Kini (D.P.C.M.)
Pangkat Ketiga	...	Paduka Cura Simanja Kini (P.C.M.)
Pangkat Keempat	...	Ahli Cura Simanja Kini (A.C.M.)

## 2.5 Darjah Yang Amat Mulia PADUKA MAHKOTA PERAK

Pangkat Pertama	...	Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.)
Pangkat Kedua	...	Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.)
Pangkat Ketiga	...	Paduka Mahkota Perak (P.M.P.)
Pangkat Keempat	...	Ahli Mahkota Perak (A.M.P.)

## 2.6 Darjah Yang Amat Mulia PANGLIMA TAMING SARI

Pangkat Pertama	...	Seri Panglima Taming Sari (S.P.T.S.)
Pangkat Kedua	...	Dato' Pahlawan Taming Sari (D.P.T.S.)

## 2.7 Pingat Pekerti Terpilih/Jasa Kebaktian/Lama Perkhidmatan

- i) Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)
- ii) Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)
- iii) Pingat Lama Perkhidmatan (P.L.P.)

## 2.8 Tauliah Lantikan Jaksa Pendamai (J.P.)

# 3. JENIS DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT

## 3.1 Darjah Seri Paduka Cura Simanja Kini (S.P.C.M.)

- ↪ Darjah Kebesaran ini membawa gelaran Dato' Seri pangkat pertama dan dikurniakan sebagai suatu kehormatan yang istimewa di atas rekod kejayaan cemerlang yang telah dicapai;
- ↪ Dikurniakan kepada mereka yang telah menyumbangkan perkhidmatan yang cemerlang kepada Negeri Perak semenjak beberapa lama dengan mempunyai kedudukan yang amat berpengaruh;
- ↪ Bagi pegawai-pegawai kerajaan yang telahpun dikurniakan D.P.C.M., mereka lazimnya yang berpangkat Tingkatan Tertinggi "C" dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau yang setaraf dengannya; dan
- ↪ Penganugerahan darjah ini pada lazimnya merupakan kenaikan pangkat kepada penerima yang telahpun dikurniakan D.P.C.M.

### 3.2 Darjah Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.)

- ↪ Darjah Kebesaran ini membawa gelaran Dato' Seri pangkat kedua dan dikurniakan sebagai suatu kehormatan yang istimewa di atas rekod kejayaan besar yang telah dicapai.
- ↪ Syarat-syarat kelayakan bagi kurniaan Darjah ini adalah sama dengan kelayakan S.P.C.M. tetapi tarafnya adalah lebih rendah daripada Seri Paduka Cura Simanja Kini (S.P.C.M.);
- ↪ Dikurniakan kepada mereka yang telah menyumbangkan perkhidmatannya yang cemerlang kepada Negeri Perak semenjak beberapa lama dan mempunyai kedudukan yang amat berpengaruh;
- ↪ Bagi pegawai-pegawai kerajaan yang telahpun dikurniakan D.P.M.P. maka mereka adalah terdiri daripada Tingkatan Tertinggi "C" dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau yang setaraf dengannya; dan
- ↪ Penerima Darjah ini pada lazimnya merupakan kenaikan pangkat kepada penerima yang telahpun dikurniakan D.P.M.P.

### 3.3 Darjah Seri Panglima Taming Sari (S.P.T.S.)

- ↪ Darjah Kebesaran ini membawa gelaran Dato' Seri Panglima pangkat pertama dan dikurniakan sebagai suatu kehormatan yang istimewa di atas rekod kejayaan besar yang telah dicapai. Darjah Kebesaran ini dikhaskan kepada anggota Tentera dan Polis atau yang bersesuaian dengannya;
- ↪ Dikurniakan kepada anggota-anggota pasukan tentera yang berpangkat Fil Mashal/Jeneral/Leftenan Jeneral (Tentera Darat), Laksamana Armada/Laksamana/Laksamana Madya (LKSDYA) (Tentera Laut) dan Masyal Tentera Udara/Jeneral TUDM/Leftenan Jeneral Udara (Tentera Udara) atau yang setaraf dengannya;
- ↪ Dikurniakan kepada anggota-anggota pasukan Polis yang berpangkat Inspektor Jeneral Polis (IGP)/ Deputi Inspektor Jeneral (DIG) atau yang setaraf dengannya; dan
- ↪ Penerima darjah ini pada lazimnya merupakan kenaikan pangkat kepada penerima yang telahpun dikurniakan D.P.T.S.

### 3.4 **Darjah Dato' Paduka Cura Simanja Kini (D.P.C.M.)**

- ↪ Darjah Kebesaran ini membawa gelaran Dato' pangkat pertama dan dikurniakan sebagai suatu kehormatan yang istimewa di atas rekod kejayaan besar yang telah dicapai.
- ↪ Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai kedudukan tinggi yang terkenal kerana perkhidmatan cemerlangnya kepada Negeri Perak. Mereka mestilah mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang-bidang tertentu untuk Negeri Perak;
- ↪ Dikurniakan kepada kakitangan awam di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau yang setaraf dengannya; dan
- ↪ Penganugerahan Darjah ini pada lazimnya merupakan kenaikan pangkat kepada penerima yang telahpun dikurniakan P.C.M.

### 3.5 **Darjah Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.)**

- ↪ Darjah Kebesaran ini membawa gelaran Dato' pangkat kedua dan dikurniakan sebagai suatu kehormatan yang istimewa di atas rekod kejayaan besar yang telah dicapai;
- ↪ Syarat-syarat kelayakan bagi kurniaan Darjah D.P.M.P. adalah sama dengan kelayakan Dato' Paduka Cura Simanja Kini tetapi adalah lebih rendah daripada D.P.C.M.;
- ↪ Dikurniakan kepada mereka yang mempunyai kedudukan tinggi yang terkenal kerana perkhidmatan cemerlangnya kepada Negeri Perak dalam apa-apa jua lapangan kehidupan. Mereka mestilah mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang-bidang tertentu untuk Negeri Perak;
- ↪ Dikurniakan kepada kakitangan awam di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah mencapai sekurang-kurangnya Gred 54 ke atas atau yang setaraf dengannya; dan
- ↪ Penganugerahan Darjah ini pada lazimnya adalah merupakan kenaikan pangkat kepada penerima yang telahpun dikurniakan P.M.P.

### 3.6 **Darjah Dato' Pahlawan Taming Sari (D.P.T.S.)**

- ↵ Darjah Kebesaran ini membawa gelaran Dato' Pahlawan pangkat pertama dan dikurniakan sebagai suatu kehormatan yang istimewa di atas rekod kejayaan besar yang telah dicapai. Darjah Kebesaran ini dikhaskan kepada anggota Tentera dan Polis atau yang bersesuaian dengannya;
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota pasukan tentera yang berpangkat Mejar Jeneral/Brigedier Jeneral (Tentera Darat), Laksamana Muda (LKSDA)/Laksamana Pertama (Tentera Laut) dan Mejar Jeneral TUDM/Brigidier TUDM (Tentera Udara) dan yang setaraf dengannya; dan
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota pasukan polis yang berpangkat Komisioner Polis (CP)/Deputi Komisioner Polis (DCP) dan Senior Asisten Komisioner Polis (SAC) atau yang setaraf dengannya.

### 3.7 **Darjah Paduka Cura Simanja Kini (P.C.M.)**

- ↵ Darjah ini adalah peringkat ketiga daripada kumpulan Darjah Yang Amat Mulia Paduka Cura Simanja Kini. Ianya dikurniakan kepada mereka yang telah banyak berbuat jasa kepada Negeri Perak dan telah menjalankan tugas yang amat sukar dengan jayanya;
- ↵ Dikurniakan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang menyandang pangkat Gred 52 atau yang setaraf dengannya;
- ↵ Darjah Paduka Cura Simanja Kini (P.C.M.) ini dikurniakan kepada mereka yang berkelayakan lebih mutunya daripada Darjah Paduka Mahkota Perak (P.M.P.) di dalam satu-satu bidang;
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Tentera yang berpangkat Kolonel (Tentera Darat), Kapten (Tentera Laut), Kolonel TUDM (Tentera Udara) atau yang setaraf dengannya;
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Polis yang berpangkat Asisten Komisioner Polis (ACP) atau yang setaraf dengannya; dan
- ↵ Penganugerahan Darjah ini pada lazimnya adalah merupakan kenaikan pangkat kepada penerima yang telahpun dikurniakan A.C.M.

### 3.8 Darjah Paduka Mahkota Perak (P.M.P.)

- ↵ Darjah ini adalah peringkat ketiga daripada kumpulan Darjah Yang Amat Mulia Paduka Mahkota Perak. Dikurniakan kepada mereka yang telah banyak berbuat jasa kepada Negeri Perak dan telah menjalankan tugas yang amat sukar dengan jayanya;
- ↵ Dikurniakan kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang menyandang Gred 52 atau yang setaraf dengannya;
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Tentera yang berpangkat Kolonel (Tentera Darat), Kapten (Tentera Laut), Kolonel TUDM (Tentera Udara) atau yang setaraf dengannya;
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Polis yang berpangkat Asisten Komisioner Polis (ACP) atau yang setaraf dengannya; dan
- ↵ Penganugerahan Darjah ini pada lazimnya adalah merupakan kenaikan pangkat kepada penerima yang telahpun dikurniakan A.M.P.

### 3.9 Darjah Ahli Cura Simanja Kini (A.C.M.)

- ↵ Darjah ini adalah peringkat keempat daripada kumpulan Darjah Yang Amat Mulia Paduka Cura Simanja Kini. Dikurniakan kepada mereka yang telah banyak memberikan jasa kepada Negeri Perak;
- ↵ Dikurniakan kepada mereka yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang atau berbuat jasa kepada Negeri Perak;
- ↵ Dikurniakan kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan sekurang-kurangnya Gred 48 dan ke atas dalam Sistem Saraan Malaysia yang berkebolehan istimewa (exceptional merit) atau yang setaraf dengannya;
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Tentera yang berpangkat Leftenan Kolonel (Tentera Darat), Komander TLDM (Tentera Laut), Leftenan Kolonel TUDM (Tentera Udara) atau yang setaraf dengannya; dan
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Polis yang berpangkat Superintenden Polis (SUPT) atau yang setaraf dengannya;

### 3.10 Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P.)

- ↵ Darjah ini adalah peringkat keempat daripada kumpulan Darjah Yang Amat Mulia Paduka Mahkota Perak. Dikurniakan kepada sesiapa jua yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang atau berbuat jasa kepada Negeri Perak.
- ↵ Dikurniakan kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan sekurang-kurangnya Gred 41 dan ke atas dalam Sistem Saraan Malaysia yang berkebolehan istimewa (exceptional merit) atau yang setaraf dengannya;
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Tentera yang berpangkat Mejar/Kapten/Leftenan/Leftenan Muda (Tentera Darat), Leftenan Komander/Leftenan Madya/Leftenan Muda (Tentera Laut), Mejar TUDM/Kapten TUDM/Leftenan TUDM/Leftenan Muda (TUDM) atau yang setaraf dengannya; dan
- ↵ Dikurniakan kepada anggota Pasukan Polis yang berpangkat Deputy Superintenden Polis (DSP)/Asisten Superintenden Polis (ASP) atau yang setaraf dengannya.

### 3.11 Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.)

- ↵ Dikurniakan kepada sesiapa jua yang telah melakukan sesuatu perbuatan yang bersifat cemerlang dan berani dalam Negeri Perak;
- ↵ Dikurniakan kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan dalam Gred 22 dan ke atas dalam Sistem Saraan Malaysia atau yang setaraf dengannya;
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Tentera yang berpangkat Pegawai Waran I dan II (Tentera Darat), Kadet Kanan/Kadet/Pegawai Waran I dan II (Tentera Laut) dan Pegawai Waran Udara I dan II (Tentera Udara) atau yang setaraf dengannya; dan
- ↵ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Polis yang berpangkat Ketua Inspektor (C/Insp.) / Inspektor (Insp) dan Sub-Inspektor (Sub-Insp.) atau yang setaraf dengannya.

### 3.12 Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)

- ↪ Dikurniakan kepada sesiapa jua yang telah berbuat jasa yang cemerlang kepada Negeri Perak selain daripada keberanian handal dan setia dalam menjalankan kewajipan, termasuk perkhidmatan yang lama dengan menunjukkan kebolehan yang luar biasa dan kelakuan yang boleh memberi contoh teladan;
- ↪ Dikurniakan kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan dalam Gred 19 dan ke bawah dalam Sistem Saraan Malaysia atau yang setaraf dengannya;
- ↪ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Tentera yang berpangkat Staf Sarjan/Sarjan/Koperal/Lans Koperal/Prebet (Tentera Darat), Bentara Kanan/Bentara Muda/Laskar Kanan/Laskar Kelas Satu/Laskar Kelas Dua/Laskar Muda (Tentera Laut), Flait Sarjan/Sarjan Udara/Koperal Udara/Laskal Udara Kanan/Laskal Udara Satu/Laskal Udara Dua (Tentera Udara) atau yang setaraf dengannya; dan
- ↪ Dikurniakan kepada anggota-anggota Pasukan Polis yang berpangkat Sarjan Mejar (SM)/Sarjan (Sjn)/Koperal (KPL)/Lans Koperal (L/Kpl) atau yang setaraf dengannya.

### 3.13 Pingat Lama Perkhidmatan (P.L.P.)

- ↪ Dikurniakan kepada sesiapa jua yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dan taat setia kepada Negeri Perak. Berkhidmat tidak kurang daripada **25 tahun** dan berkebolehan memberi teladan yang baik dan hanya untuk penjawat sahaja.

### 3.14 Tauliah Lantikan Jaksa Pendamai (J.P.)

- ↪ Mereka yang dipilih untuk ditauliahkan **JAKSA PENDAMAI** ini hendaklah terdiri daripada mereka yang benar-benar layak samada dari segi pendidikan, ilmiah dan berkelakuan baik yang boleh memberi contoh teladan.
- ↪ **Pegawai-pegawai Kerajaan tidak layak dipertimbangkan.**



#### 4. **PENCALONAN**

4.1 Pencalonan secara on-line bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Perak akan dimaklumkan kepada :-

- i) Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan (*dalam Negeri Perak*)
- ii) Agensi-agensi Kerajaan / Badan Berkanun
- iii) Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan
- iv) Ketua Setiausaha Kementerian
- v) Persatuan / Pertubuhan Badan Sukarela
- vi) Orang Besar Jajahan Negeri Perak
- vii) Pusat-Pusat Pengajian Tinggi

4.2 Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pencalonan daripada semua peringkat kakitangan dan tidak terhad kepada sesuatu bahagian atau jenis jawatan sahaja. Setiap pencalonan hendaklah dibuat kepada mereka yang difikirkan layak dan sesuai sahaja.

#### 5. **SALURAN PENCALONAN**

5.1 Pencalonan bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Perak adalah melalui 2 saluran yang menggunakan borang dan 1 saluran dibuat secara on-line.

- Saluran Pencalonan Menggunakan Borang:

- i) Pejabat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan; dan
- ii) Pejabat YAB Menteri Besar Perak (Untuk Ahli-Ahli Politik).

- Saluran Pencalonan Secara On-line

- iii) Pejabat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
*[Pegawai-Pegawai Negeri / Badan Berkanun dalam Perkhidmatan Negeri Perak / Pegawai-Pegawai Persekutuan / Polis / Tentera / Badan-Badan Berkanun Persekutuan yang berkhidmat dalam Negeri Perak termasuk Anak-Anak Perak yang bertugas di Luar Negeri Perak serta Ahli-Ahli Pertubuhan / Persatuan / Kebajikan / Sukarela / Sukan / Sosial / Agama / Swasta / Orang Awam]*

## 6. ASAS-ASAS PENCALONAN

- 6.1 Seseorang calon yang dicadangkan untuk sesuatu Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Perak hendaklah terdiri daripada mereka yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Negeri Perak khususnya dan negara amnya.
- 6.2 Pencalonan di kalangan anggota pertubuhan, persatuan, kebajikan, sukarela, sukan, sosial, agama, swasta dan lain-lain hendaklah berasaskan kepada sumbangan masing-masing kepada negara dan masyarakat. Keutamaan hendaklah diberikan kepada mereka yang memberi sumbangan yang cemerlang di peringkat negeri, negara dan antarabangsa.
- 6.3 Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat yang dicadangkan hendaklah bersesuaian dengan jawatan dan gred jawatan sebagaimana yang diterangkan dalam Garis Panduan.
- 6.4 Seseorang calon yang dicadangkan, mestilah **mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih dan cemerlang**. Tapisan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak diperlukan. Ini adalah kerana urusan tersebut akan dibuat oleh pihak Urus Setia setelah pemilihan calon-calon selesai.
- 6.5 Seseorang yang telah menerima sesuatu kurniaan Negeri Perak boleh dicalonkan semula **selepas tiga (3) tahun kurniaan terdahulu**.
- 6.6 Seseorang yang pernah menolak tawaran tidak perlu dicalonkan semula.
- 6.7 **Keutamaan** hendaklah diberi kepada **calon-calon yang berumur lebih daripada 40 tahun** melainkan jika calon-calon itu terdiri daripada ahli-ahli sukan.

## 7. PERATURAN MENGISI BORANG PENCALONAN SECARA ONLINE

- 7.1 Tiap-tiap pencalonan bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat **selain** daripada pejabat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan pejabat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan hendaklah dibuat secara on-line melalui capaian laman web negeri Perak, **<http://pingat.perak.gov.my>**
- 7.2 Setiap pencalonan adalah dikategorikan seperti berikut :-
- i) **Kategori 'A'** - Untuk Pegawai-Pegawai Negeri / Badan Berkanun dalam perkhidmatan Negeri Perak.
  - ii) **Kategori 'B'** - Untuk Pegawai-Pegawai Persekutuan / Badan-Badan Berkanun Persekutuan / Polis / Tentera dalam Negeri Perak termasuk Anak-Anak Perak Yang Bertugas di Luar Negeri Perak.
  - iii) **Kategori 'C'** - Untuk Ahli-Ahli Pertubuhan / Persatuan / Kebajikan / Sukarela / Sukan / Sosial / agama / Swasta dan Orang Awam.
- 7.3 Borang pencalonan on-line hendaklah diisi oleh pencalon dan bukan calon itu sendiri. Pencalon hendaklah memastikan bahawa calon berkenaan belum lagi dikurniakan Darjah Kebesaran, Bintang atau Pingat yang dicadangkan supaya tidak berlaku pertindihan penganugerahan. Sekiranya berlaku pertindihan, pihak urus setia berhak untuk membatalkan atau membuat sebarang keputusan bagi penganugerahan tersebut.
- 7.4 Segala maklumat yang terdapat di dalam borang pencalonan hendaklah diisi dengan jelas, tepat dan lengkap.
- 7.5 Semua pencalonan daripada agensi-agensi di bawah kawalan Kementerian hendaklah diselaraskan di peringkat Kementerian masing-masing sebelum dikemukakan kepada urus setia.
- 7.6 Pencalonan bagi Darjah Kebesaran Seri Paduka Cura Simanja Kini (S.P.C.M.), Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.), Seri Panglima Taming Sari (S.P.T.S.), Dato' Paduka Cura Simanja Kini (D.P.C.M.), Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.), Dato' Pahlawan Taming Sari (D.P.T.S.) **hendaklah mendapat sokongan YB. Menteri atau YB. Timbalan Menteri atau YAB. Menteri Besar atau YAB. Ketua Menteri.**
- 7.7 Pencalonan di kalangan Pegawai Kerajaan di peringkat Persekutuan bagi Darjah Kebesaran Paduka Cura Simanja Kini (P.C.M.), Paduka Mahkota Perak (P.M.P.), Ahli Cura Simanja Kini (A.C.M.), Ahli Mahkota Perak (A.M.P.) **hendaklah mendapat sokongan atau tandatangan Ketua Setiausaha Kementerian atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian.**

7.8 Pencalonan di kalangan Pegawai Kerajaan di peringkat Persekutuan bagi Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.), Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.), Pingat Lama Perkhidmatan (P.L.P.) **memadai dengan mendapatkan sokongan/tandatangan Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian atau yang setaraf dengannya.**

7.9 i) Pencalonan daripada pertubuhan, persatuan, kebajikan, sukarela, sukan, sosial, agama, swasta dan sebagainya yang berada dalam Negeri Perak:

**Hendaklah mendapatkan ulasan dan tandatangan Pegawai Daerah dan Orang Besar Jajahan yang berkenaan sebagai sokongan.**

ii) Pencalonan daripada pertubuhan, persatuan, kebajikan, sukarela, sukan, sosial, agama, swasta dan sebagainya yang berada di luar Negeri Perak:

**Hendaklah mendapatkan ulasan dan tandatangan Pegawai Daerah/ Datuk Bandar/ Yang DiPertua Majlis Perbandaran/ Yang DiPertua Majlis Daerah/ Setiausaha Dewan Bandaraya/ Setiausaha Majlis Perbandaran/ Setiausaha Majlis Daerah atau Orang Besar Jajahan di mana calon berkhidmat sebagai sokongan dan seterusnya hendaklah mendapatkan juga ulasan dan tandatangan Pegawai Daerah dan Orang Besar Jajahan di Negeri Perak.**

7.10 Pencalonan pegawai-pegawai kerajaan yang bergiat cergas di dalam pertubuhan, persatuan, kebajikan, sukarela, sukan, agama dan sebagainya **hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat di mana calon-calon itu berkhidmat.**

**PANDUAN KELAYAKAN PENCALONAN PENGANUGERAHAN  
 DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI PERAK  
 BAGI ANGGOTA PENGURUSAN TERTINGGI PERKHIDMATAN AWAM**

<b>KATEGORI PEGAWAI</b>	<b>GREDE JAWATAN</b>	<b>KELAYAKAN</b>	<b>GELARAN</b>
Ketua Setiausaha Negara	VU1	SPCM / SPMP	DATO' SERI
Turus I	VU2	SPCM / SPMP	DATO' SERI
Turus II	VU3	SPCM / SPMP	DATO' SERI
Turus III	VU4	SPCM / SPMP	DATO' SERI
Jusa A	VU5	DPCM / DPMP	DATO'
Jusa B	VU6	DPCM / DPMP	DATO'
Jusa C (Pentadbiran)	VU7	DPMP	DATO'
Gred Khas A	VK5	DPMP	DATO'
Gred Khas B	VK6	DPMP	DATO'
Gred Khas C	VK7	DPMP	DATO'
Professor Universiti Gred C	VK7	DPMP	DATO'

**PANDUAN KELAYAKAN PENCALONAN PENGANUGERAHAN  
DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI PERAK BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

KATEGORI	GRED JAWATAN																				KELAYAKAN		
I	A54/52 AL54/52 AT54/53 AT52/51	B54/53 B52/51	C54 C52	DG54 DG52	DH54/53 DH52/51	DM54/53 DM52/51 DS54/53 DS52/51	DU54 DV54	E54 E52	F54 F52	G54/52 GV54/52		J54 J52	KA54 KA52	KB54 KB52	KP54 KP52	L54 L52 LS54 LS52	M54 M52	N54 N52	Q54/53 Q52/51	S54/53 S52/51	U54/53 U52/51	W54 W52	PCM / PMP
II	A48 AL48 AT48/47	B48/47	C48	DG48	DH48/47	DM46/45 DS45	DU51 DV52/51	E48	F48	G48 GV48		J48	KA48	KB48	KP48	L48 LS48	M48	N48	Q48/47	S48/47	U48 U47	W48	ACM / AMP
III	A44 AL44 AT44/43	B44/43	C44	DG44	DH44/43	DS45	DV44/43	E44	F44	G44 GV44		J44	KA44	KB44	KP44	L44 LS44	M44	N44	Q44/43	S44/43	U44 U43	W44	ACM / AMP
IV	A41 AL41 AT41	B42/41	C41	DG42 DG41	DH42/41		DV42/41	E42/41	F41	G41 GV41		J41	KA42	KB41	KP42 KP41	L41 LS41	M41	N41	Q41	S41	U41	W41	AMP / PPT
V	A40-36 AB40-36	B38/37	C40 C38	DG40 DG38	DH40/39	DM40	DV40/39 DV38/37 DV36/35	E40 E38	FA40 FA38	G40 G36		JA40 JA38	KA40 KA38	KB40 KB38	KP40 KP38	L40/38 LA40/38 LS40/38		NP40/ 36 NT40/ 36 N40/36	Q40 Q36	S40 S38	U40 U36	W40 W36	PPT
VI		B32/31	C32	DG34 DG32	DH34/33 DH32/31	DM34 DM32		E32	FA32	G32 G30/29		JA36 JA29	KA32	KB32	KP32	L32 LA32 LS32		NP32 NT32 N32	Q32	S32	U32	W32	PPT
VII	A29/28 AB30/29	B30/29	C29	DG29	DH29	DM29	DV30/29	E29	FA29	G28	H28 H26	J28	KA29 KA28	KB29 KB28	KP29 KP28	L29 LA29 LS30/29		NP29 NT29 N29	Q29 Q28	S29	U29	W29	PPT
VIII	A26/22 AB22/26	B26/25 B22/21	C28 C26 C22				DV22/21	E28 E26 E22	FT28 FT26 FT22	G26 G22	H24 H22	J26 J22	KA26 KA24 KA22	KB26 KB24 KB22	KP26 KP22	L26/22 LA26/22 LS26/22		N28 N26 N22	Q26 Q22	S28 S26 S22	U26 U24	W28 W26 W22	PPT/PJK
IX	A19/20 AB19	B19	C19				DV19	E19	FT19	G19	H18	J19	KA20 KA19	KB19	KP19	L19 LA19 LS19		N19 N18	Q19	S19	U18	W19	PJK
X	A13									G14	H16 H14				KP16 KP14			N16 N14			U16 U14		PJK
XI										G11	H11				KP11			N11			U11		PJK
	Penjawat-Penjawat Awam yang telah berkhidmat tidak kurang dari 25 tahun atau telah mencapai umur 50 tahun ke atas																				PLP		

**PANDUAN KELAYAKAN KURNIAAN BAGI ANGGOTA TENTERA / POLIS**

<b>Polis</b>	<b>Tentera Darat</b>	<b>Tentera Laut</b>	<b>Tentera Udara</b>	<b>Kelayakan</b>
Inspektor Jeneral Polis (IGP) Deputi Inspektor Jeneral (DIG)	Fil Marshal Jeneral Leftenan Jeneral	Laksamana Armada Laksamana Laksamana Madya (LKSDYA)	Masyal Tentera Udara Jeneral TUDM Leftenan Jeneral TUDM	SPTS
Komisioner Polis (CP) Deputi Komisioner Polis (DCP) - YA 24 / Jusa (54 / Jusa)	Mejar Jeneral	Laksamana Muda (LKSDA)	Mejar Jeneral TUDM	DPTS
Senior Assisten Komisioner Polis (SAC) – YA 24 (52/54)	Brigedier Jeneral – ZA26 (54)	Laksamana Pertama (LK SMA) – Z28 (54)	Brigedier Jeneral TUDM – Z 28 (54)	DPTS
Assisten Komisioner Polis (ACP) – YA 22 (52)	Kolonel - ZA24 (48 / 52)	Kepten TLDM (KAPT) – Z 26 (48 / 52)	Kolonel TUDM - Z 26 (48/52)	PCM / PMP
Superintenden Polis (SUPT) – YA 20 (48)	Leftenan Kolonel ZA24 (48)	Komander TLDM (KDR) – Z 24 (48)	Leftenan Kolonel TUDM - Z 24 (48)	ACM
Deputi Superintenden Polis (DSP) - YA 18 (46)	Mejar - ZA22 (44)	Leftenan Komander TLDM (LT KDR) - Z 22 / 24 (44)	Mejar TUDM – Z 22 (44)	AMP
Assisten Superintenden Polis (ASP) - YA 16 (44)	Kapten – Z20 (41)	Leftenan TLDM (LT) – Z 22 (41)	Kapten TUDM – Z 19 / 20 (41)	PPT
Inspektor (INSP) – YA 13 (41)				
Sub-Inspektor (SUB-INSP) – YA 10 (38)	Leftenan - ZA16 / 18 (32 / 36)	Leftenan Madya (LT DY A) – Z 17 / 18 (32 / 36)	Leftenan TUDM – Z 17 / 18 (32 / 36)	PPT
Sarjan Mejar (SM) – YA 8 (32)	Leftenan Muda – ZA15 (27)	Leftenan Muda TLDM (LTM) – Z 15 (27)	Leftenan Muda TUDM – Z 15 (27)	PPT
Sarjan (SJN) - YA 5/6 (29)				
	Kadet Pegawai Waran I – ZA14 (26) Pegawai Waran II – ZA12 (22/26)	Kadet Kanan (KDT KN) – Z 14 (26) Kadet (KDT) – Z 12 / 13 (22/26) Pegawai Waran I (PW I) – Z 12 / 13 (22 / 26) Pegawai Waran II (PW II) - Z 12 / 13 (22/26)	Kadet Pegawai Waran Udara I – Z 14 (26) Pegawai Waran Udara II – Z 12 / 13 (22/26)	PPT / PJK
Koperal (KPL) YA 4 (22)	Staf Sarjan – ZA8 / 10	Bentara Kanan (BK) - Z 8 / 10	Flait Sarjan – Z 8 / 10	PJK
Lans Koperal (L/KPL) YA 2 (20)	Sarjan ZA6(27)	Bentara Muda (BM)	Sarjan Udara	
Konstabel YA 1 (17)	Koperal ZA4 (22)	Laskar Kanan (LK)	Koperal Udara	
	Lans Koperal ZA2 (20)	Laskar Kelas Satu (LK I)	Laskar Udara Kanan (LUK)	
	Prebet ZA1 (17)	Laskar Kelas Dua (LKS II)	Laskar Udara Satu (LU I)	
		Laskar Muda (LM)	Laskar Udara Dua (LU II)	